

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 16 MAC 2015

RUJUKAN : 7513

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar Kerajaan dalam pengeluaran visa dan permit kerja terkini untuk pembantu rumah asing dan bagaimana Kerajaan dapat mempermudah kaum wanita yang bekerja mengambil pembantu rumah dari kalangan pendatang asing tanpa izin yang tersedia ada dalam negara kita.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar semasa dalam urusan pengambilan Pembantu Rumah Asing (PRA) menggariskan beberapa perkara utama seperti kelayakan memohon bagi majikan, tujuan memohon pembantu rumah, negara sumber dan juga had umur yang dibenarkan.

Justeru, majikan adalah dipohon menggunakan saluran yang teratur dalam proses pengambilan PRA bagi mengelak majikan tertipu dan mengalami masalah PRA lari daripada majikan. Pengambilan PRA daripada kalangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) juga bakal mengundang masalah memandangkan PATI tersebut sudahpun melanggar undang-undang negara dan berpotensi menimbulkan masalah sekiranya terus dibenarkan berada di negara ini.

Bakal majikan yang ingin memohon boleh merujuk terus ke mana-mana pejabat imigresen untuk mendapatkan maklumat berkaitan permohonan PRA atau melayari laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia (www.imi.gov.my).

Selain itu, bakal majikan yang ingin menggaji PRA warganegara Indonesia dan Filipina mestilah melalui Agensi Pekerjaan yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk menguruskan permohonan.

Bagi pengambilan PRA dari negara Thailand, Sri Lanka, India, Vietnam dan Laos pula, bakal majikan boleh membuat pilihan sama

ada ingin memohon melalui Agensi Pekerjaan atau berurusan terus di Ibupejabat Imigresen Putrajaya dan Pejabat Imigresen Negeri.

Pengambilan PRA melalui orang tengah atau agensi pekerjaan yang tidak berdaftar adalah tidak dibenarkan.

Berdasarkan Akta Imigresen 1959/63 adalah menjadi kesalahan menggaji Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) iaitu seseorang yang tidak memiliki Pas yang sah.